

26 MAY 1997

Abu Zahar-Amaran

PEMIMPIN TIDAK BOLEH MEMPUNYAI AGENDA PERIBADI, ABU ZAHAR

MELAKA, 26 Mei (Bernama) -- Ketua Menteri Melaka, Datuk Abu Zahar Isnin hari ini memberi amaran bahawa beliau tidak akan bertolak ansur dengan pemimpin yang mempunyai agenda lain selain daripada yang digariskan oleh kerajaan.

"Sesiapa yang merasakan agenda peribadi mereka lebih penting daripada agenda kerajaan, perlulah mengundurkan diri daripada kerajaan supaya tidak berlaku konflik kepentingan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis perhimpunan pagi bersama pegawai dan kakitangan kerajaan negeri di Seri Negeri di sini.

Abu Zahar juga secara rasmi memulakan tugasnya di pejabat rasmi Ketua Menteri hari ini.

Beliau yang mengambil sumpah jawatan Ketua Menteri Jumaat lepas menggantikan Allahyarham Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani yang meninggal dunia pada 14 Mei lalu akibat diserang angin ahmar.

Abu Zahar menegaskan beliau tidak akan bertolak ansur dengan sebarang kepentingan peribadi yang membelakangi kepentingan bangsa, agama dan negara.

Beliau tidak mahu pemimpin yang boleh mencemarkan imej bersih, cekap dan amanah kerajaan, "Saya telah berikrar untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang bersih, cekap dan amanah dan saya akan berusaha menepatinya,".

Ketua Menteri berkata perkara itu akan menjadi keutamaan beliau kerana mesej itu telah disampaikan dengan jelas oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam kenyataannya di London yang mengingatkan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri supaya tidak menyalahgunakan kuasa.

"Beliau mahu kami semua tidak sahaja bersih tetapi jelas kelihatan bersih...mesej yang sama turut disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan ini akan menjadi keutamaan saya," katanya.

Abu Zahar berkata semangat kerja berpasukan dan hubungan baik antara ahli politik dan birokrat merupakan antara ciri penting bagi memastikan kelicinan dan kelancaran perjalanan jentera kerajaan.

Beliau juga mengulangi kenyataannya bahawa kerajaan negeri akan berhati-hati dalam projek yang melibatkan pembangunan projek-projek yang berasaskan tanah.

Beliau berkata, program-program pembangunan negeri yang telah dirancang sebelum ini akan diteruskan di samping langkah memperkenalkan program dan dasar baru yang lebih mantap.

Program yang menjurus kepada membangun dan memajukan negeri serta memastikan setiap rakyat menikmati kesejahteraan dan kemakmuran pembangunan itu merupakan agenda perdana kerajaan negeri, tegasnya.

Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Wira Abdul Rahman Jamal, anggota-anggota Exco kerajaan negeri dan ketua-ketua jabatan turut bersama kira-kira 500 pegawai dan kakitangan kerajaan negeri dalam perhimpunan itu.

-- BERNAMA

MOZ PR